

05/07/2001

Kerajaan sedia kaji pencen pesara

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan bersedia mengkaji semula pencen pesara kerajaan walaupun skim yang dilaksanakan sekarang jauh lebih baik daripada negara lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar masih ada ruang untuk diperbaiki walaupun kerajaan sudah membuat beberapa perubahan besar terhadap skim pencen pesara termasuk memberi bonus kepada mereka.

"Namun saya sedar tentu ada yang boleh diberi lagi tetapi tidaklah sampai menyamai gaji penuh," katanya pada jamuan malam sempena persidangan Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia.

Kenyataan Perdana Menteri itu disambut tepukan gemuruh hadirin. Tetapi, Dr Mahathir dengan pantas mengingatkan mereka bahawa perkara itu belum pasti.

"Saya tidak berjanji apa-apa," katanya.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, Senator Tan Sri Abdullah Ayub, dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Abdullah, dalam ucapan aluannya, meminta kerajaan mengkaji semula skim pencen sekarang termasuk melaksanakan pembayaran pencen minimum seperti yang pernah dipersetujui sebelum ini.

Beliau berkata, lebih 60,000 pesara kerajaan ketika ini menerima pencen kurang daripada RM400 sebulan, iaitu di bawah paras kemiskinan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah menjalankan kajian berhubung kadar pencen di beberapa negara termasuk negara maju dan mendapati sistem pencen di Malaysia adalah lebih baik.

"Baru-baru ini, kerajaan ada memberikan bonus kepada pesara kerajaan. Pada zaman dahulu, pencen kadang-kadang terhad hingga 12 tahun saja," katanya.

Dr Mahathir turut menasihatkan pesara melakukan sesuatu yang berfaedah selepas menamatkan perkhidmatan, termasuk menulis buku atau memoir menceritakan pengalaman masing-masing.

"Kalau tidak ada kerja, tolong cari kerja. Jangan renung sangat tentang nasib, nanti cepat tua," katanya dengan nada seloroh.

Katanya, walaupun pesara memberi lebih tumpuan kepada persiapan akhirat, ini tidak seharusnya membuatkan mereka terus tidak mementingkan soal kehidupan sehingga menjadi manusia yang begitu lemah.

(END)